



**KENYATAAN AKHBAR
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI TERKINI JANGKITAN 2019-nCoV
DAN PENGESANAN KES BAHARU DI MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin melaporkan mengenai **pertambahan dua (2) kes baharu 2019 novel coronavirus (2019-nCoV)** yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC)* Kebangsaan pada hari ini. Dua (2) kes baharu ini dikesan dalam kalangan rakyat Malaysia yang telah di bawa pulang ke tanah air dari Wuhan, China melalui Misi Bantuan Kemanusiaan pada 4 Februari 2020. Kedua-duanya sedang menerima rawatan di wad isolasi Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban dan berada dalam keadaan stabil.

Dengan pertambahan dua (2) kes baru ini, jumlah kumulatif kes 2019-nCoV yang dilaporkan sehingga hari ini adalah sebanyak **12 kes**; iaitu lima (5) kes dalam kalangan kes *Patient-Under-Investigation (PUI)* jangkitan 2019-nCoV, lima (5) kes dalam kalangan kontak rapat dan dua (2) kes dalam kalangan rakyat Malaysia yang dibawa pulang dengan Misi Bantuan Kemanusiaan. Daripada jumlah tersebut, **sembilan (9) kes adalah warganegara China dan tiga (3) orang adalah warganegara Malaysia.**

Sehubungan itu, dari 10 Januari 2020 sehingga 5 Februari 2020 jam 10:00 pagi; jumlah kumulatif kes PUI jangkitan 2019-nCoV adalah 257 orang; di mana 161 adalah warganegara Malaysia, 91 warga China dan masing-masing satu (1) warganegara Australia, Republik Korea, Jordan, Brazil dan Thailand. Lima (5) kes telah disahkan positif 2019-nCoV, 235 adalah negatif 2019-nCoV dan 17 kes masih menunggu keputusan makmal (Lampiran 1).

Sejumlah 25 kontak rapat yang baru kepada kes 2019-nCoV dilaporkan sehingga 5 Februari 2020 jam 10:00 pagi. Oleh itu, jumlah kumulatif kontak rapat kepada kes 2019-nCoV yang dilaporkan pada tahun 2020 sehingga hari ini adalah seramai 61 orang kesemuanya – dimana lima (5) orang adalah positif dan 56 orang adalah negatif (Lampiran 1).

Susulan Misi Bantuan Kemanusiaan yang telah dijalankan, sejumlah 107 (88 warganegara Malaysia dan 19 ahli keluarga bukan warganegara) individu yang dibawa pulang dan seramai 26 petugas yang terlibat (6 dari pasukan perubatan dan kesihatan, seorang dari NADMA dan Kementerian Luar Negeri, 12 anak kapal serta 6 pegawai dari Kedutaan Besar Malaysia) telah menjalani saringan kesihatan dan sampel klinikal diambil untuk pengesanan jangkitan 2019-nCoV (*entry screening*). Dari jumlah tersebut, dua (2) warganegara Malaysia yang dibawa pulang telah dikesan positif 2019-nCoV dan baki 131 adalah negatif 2019-nCoV. Kesemua individu terbabit kini sedang menjalani pemantauan selama 14 hari.

Pada peringkat awal, keupayaan makmal bagi menjalankan ujian pengesanan dan pengesahan 2019-nCoV hanya terhad kepada Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dan Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) Sungai Buloh. Kini sebanyak dua belas (12) makmal hospital dan empat (4) Makmal Kesihatan Awam dari seluruh negara telah dilatih oleh pihak IMR baru-baru ini dengan menggunakan protokol yang digariskan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Kapasiti ini akan diperluaskan lagi bagi rangkaian makmal swasta yang telah menyatakan kesediaan mereka untuk turut sama terlibat dan sesi latihan berkaitan akan diadakan oleh pihak MKAK Sungai Buloh pada 6 Februari 2020.

DATUK SERI DR. DZULKEFLY AHMAD
Menteri Kesihatan Malaysia

5 Februari 2020

**Jadual 1: Ringkasan Kes PUI 2019-nCoV
Sehingga Jam 10:00 Pagi; 5 Februari 2020**

Warganegara	Positif	Negatif	<i>Pending</i>	Jumlah
Malaysia	1	147	13	161
China	4	83	4	91
Lain-lain	0	5	0	5
Jumlah	5	235	17	257

**Jadual 2: Ringkasan Kontak Rapat Kes 2019-nCoV
Sehingga Jam 10:00 Pagi; 5 Februari 2020**

Warganegara	Positif	Negatif	<i>Pending</i>	Jumlah
Malaysia	0	26	0	26
China	5	30	0	35
Lain-lain	0	0	0	0
Jumlah	5	56	0	61